

**IMPAK PENJAJAHAN BARAT TERHADAP SISTEM PERUNDANGAN
DAN KEHAKIMAN ISLAM DI SARAWAK**
*THE IMPACT OF WESTERN COLONIZATION ON THE ISLAMIC LEGAL AND
JUDICIAL SYSTEM IN SARAWAK*

NORANIZAH YUSUF

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UITM Kampus Samarahan 2*

noranizah977@uitm.edu.my

Dihantar/Received: 6 Mei 2024 | Penambahbaikan/Revised: 15 October 2024

Diterima/Accepted: 17 October 2024 | Terbit/Published: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i2.5764>

Abstrak Penjajahan Barat telah memberikan impak yang signifikan terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat Islam di Sarawak terutamanya dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Data dari kajian menunjukkan bahawa pengenalan undang-undang Barat telah mengakibatkan perubahan penting dalam struktur perundangan dan kehakiman Islam di Sarawak, termasuk pengenalan sistem dwi kehakiman yang memisahkan undang-undang Islam dengan undang-undang sivil. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis interaksi antara undang-undang Barat dan undang-undang Islam di Sarawak dan menjelaskan bagaimana pengenalan undang-undang Barat telah mempengaruhi struktur, proses dan pelaksanaan undang-undang Islam di Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi kaedah kajian historiografi yang menekankan tentang empat langkah penting iaitu heuristik, kritikan sumber, analisis dan interpretasi data dan historiografi (penulisan sejarah). Kesimpulannya, penjajahan Barat di Sarawak khususnya pada era pemerintahan Brooke telah banyak mempengaruhi sistem perundangan dan kehakiman Islam di Sarawak. Tambahan pula, terdapat transformasi dalam pelaksanaan undang-undang Islam yang sering kali dipengaruhi oleh nilai-nilai dan amalan perundangan Barat. Penjajahan Barat juga memberi kesan yang sukar kepada masyarakat Islam di Sarawak khususnya dalam aspek pengaruh cara hidup, kepercayaan, dan identiti mereka. Oleh itu, pemahaman yang komprehensif tentang interaksi antara undang-undang Islam dan undang-undang Barat di Sarawak adalah sangat penting untuk difahami terutamanya dalam aspek perkembangan sistem perundangan dan kehakiman Islam serta kesannya terhadap masyarakat Islam di Sarawak.

Kata kunci: Impak, penjajahan Barat, perundangan Islam, kehakiman Islam, Sarawak.

Abstract Western colonization has had a significant impact on various aspects of the Muslim community's lives in Sarawak, especially in the social, economic and political domains. According to studies, the introduction of Western laws in Sarawak has led to significant changes in Islam's legal and judicial structure, including establishing a dual judicial system that separates Islamic law from civil law. The objective of this study is to analyze the interaction between Western laws

and Islamic laws in Sarawak and to elucidate how the introduction of Western laws has influenced the structure, processes and implementation of Islamic laws in Sarawak. This study uses a qualitative research approach through historiographical methods, focusing on four key steps: heuristics, source criticism, data analysis and historiographical interpretation. In conclusion, Western colonization in Sarawak, particularly during the Brooke administration era, has greatly impacted the legal and judicial system of Islam in Sarawak. Furthermore, the values and practices of Western legislation often transform and influence the implementation of Islamic laws. Western colonization has also posed significant challenges to the Muslim community in Sarawak, particularly in terms of their way of life, beliefs and identity. Therefore, a comprehensive understanding of the interaction between Islamic and Western laws in Sarawak is crucial, especially concerning the development of Islamic legal and judicial systems and their implications for the Muslim community in there.

Keywords: *Impact, western colonialisation, Islamic legal, Islamic judicial, Sarawak.*

PENDAHULUAN

Sarawak adalah sebuah negeri yang kaya dengan warisan sejarah, kebudayaan dan kepelbagaian etnik. Sebelum penjajahan Barat, Sarawak merupakan sebahagian daripada Kesultanan Brunei yang memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan penyebaran agama Islam di Sarawak. Sarawak telah lama mengamalkan sistem perundangan dan kehakiman Islam yang berakar dalam nilai-nilai tradisi dan syariat Islam. Namun, setelah kedatangan penjajah Barat iaitu keluarga Brooke telah membawa perubahan besar dalam lanskap pentadbiran undang-undang Islam di Sarawak terutamanya dalam sistem kehakiman Barat yang telah membawa perubahan signifikan dalam pengurusan kes-kes dan undang-undang Islam di Sarawak. Penjajahan Barat telah memberi kesan yang besar kepada sistem perundangan dan kehakiman Islam seperti mempengaruhi prosedur perundangan, prinsip-prinsip hukum serta amalan kehakiman.

Sejarah menunjukkan bahawa undang-undang Islam telah menjadi asas bagi pemerintahan di negeri Sarawak di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei. Berhubung dengan pengamalan perundangan Islam sebagai asas dalam kehidupan masyarakat Islam di Sarawak jelas dinyatakan melalui surat-surat rasmi yang ditulis dalam tulisan Jawi. Surat-surat ini biasanya dimulai dengan kalimah puji-pujian kepada Allah S.W.T dan tarikhnya merujuk kepada kalendar hijrah. Bukti jelas tentang pengaruh Islam ditemui dalam dokumen pelantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak pada tahun 1841 dan 1842. Pada 24 September 1841, Pengiran Muda Hashim telah melantik Brooke sebagai wakil Kesultanan Brunei di Sarawak yang kemudian mendapat pengesahan dari Sultan Brunei pada 1 Ogos 1842 (Saimi et al., 2022).

Watak-watak pelantikan tersebut menggariskan tanggungjawab Brooke sebagai wakil Sultan Brunei di Sarawak, termasuk menjalankan dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang Sultan Brunei. Bersumberkan kedua-dua dokumen tersebut jelas menunjukkan bahawa semasa di awal zaman pemerintahan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak, beliau dikehendaki mengekalkan hukum kanun dan perundangan Islam dalam pemerintahannya (Boyd, 1936). Hukum adat atau peraturan Sultan Brunei yang terdapat di dalam kedua-dua watak pelantikan sebagai Gabenor Sarawak tersebut merujuk kepada Kanun Brunei yang telahpun menjadi dasar kepada pemerintahan Kesultanan Brunei.

Meskipun penjajah cuba untuk mengurangkan pengaruh undang-undang Islam, namun selepas kemerdekaan Perlembagaan Persekutuan masih mengekalkan peranan undang-undang Islam. Menurut Awang (2015), walaupun undang-undang Islam tidak diberikan kedudukan sebagai undang-undang tertinggi negara, ia tetap menjadi elemen penting dalam perlembagaan dan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk melihat kembali impak penjajahan Barat terhadap sistem perundangan Islam di Sarawak bagi mencadangkan langkah dan usaha untuk memartabatkan semula perundangan Islam kerana telah terbukti bahawa undang-undang Islam pernah dilaksanakan dengan baik di Sarawak sebelum pemerintahan keluarga Brooke.

SOROTAN KAJIAN

Menurut Shuiab (2017) antara kesan utama penjajahan Barat ke atas sistem perundangan di Malaysia adalah kewujudan dwi-sistem perundangan. Kesan pasca penjajahan Barat sangat jelas apabila berlakunya percampuran antara undang-undang Barat dengan undang-undang tempatan yang sering menimbulkan konflik dalam sistem perundangan dan bidang kuasa mahkamah. Malaysia juga terus berdepan dengan kesulitan memisahkan undang-undang sivil dari undang-undang Islam serta bidang kuasa mahkamah syariah. Usaha untuk memartabatkan semula undang-undang Islam dan memastikan ianya kompeten dengan perundangan sivil terus diusahakan sehingga kini.

Adam Badhrulhisham (2017) turut menyatakan hal yang sama, sepanjang tempoh penjajahan, masyarakat Islam berdepan dengan pelbagai usaha pembaratan yang dilaksanakan oleh penjajah. Dalam aspek perundangan penjajah telah memperkenalkan undang-undang Barat sebagai ganti kepada undang-undang Islam. Undang-undang Islam hanya terhad kepada hal ehwal individu dan kekeluargaan sahaja. Islam tidak mampu lagi diamalkan dengan menyeluruh sebagai satu *ad-din* (agama) yang sempurna kerana terhad kepada beberapa urusan sahaja.

Kenyataan ini senada dengan kajian Mohammad Hafifi et al. (2019) dan Badlihisam (2012) dalam kajian mereka menegaskan bahawa kedatangan penjajah Barat telah menyebabkan penyempitan skop dan ruang lingkup Islam yang dahulunya menjadi asas kenegaraan dan perundangan kepada hal ehwal kekeluargaan dan peribadi sahaja. Kemudian apabila Ordinan Mahkamah 1948 diluluskan, ianya terus menyingkirkan mahkamah syariah daripada hierarki sistem kehakiman negara, menjadikan mahkamah sivil sebagai kuasa utama dalam hal undang-undang di Malaysia.

Zainul Rijal (2020) dalam artikelnya yang dibentangkan dalam Muzakarah Sultan Nazrin menyebutkan bahawa apabila British datang ke Tanah Melayu mereka telah mengadakan perjanjian dengan sultan-sultan di Tanah Melayu untuk menerima pegawai British yang dikenali sebagai Residen untuk membantu dalam mentadbir urusan negara. Dalam perjanjian tersebut, Residen dikatakan tidak akan mencampuri urusan pentadbiran agama serta pelaksanaan undang-undang Islam. Bertitik tolak daripada itu, urusan undang-undang mula dibahagikan kepada aspek-aspek yang terpisah. Urusan muamalat dan undang-undang jenayah dianggap urusan keduniaan dan tidak berkait dengan Islam. Urusan agama dan adat istiadat hanya merujuk kepada urusan ibadah orang Islam dan urusan perkahwinan sahaja.

Kajian Abd Jalal et al. (2022) mendapati bahawa kajian-kajian kolonial terhadap Hukum Kanun Pahang sering kali gagal mengupas aspek undang-undang Islam yang terkandung di dalamnya. Malah, terdapat usaha untuk memberikan gambaran negatif tentang undang-undang Islam dengan tujuan memperkenalkan undang-undang British di Tanah Melayu. Kajian ini juga

menunjukkan bahawa pengamalan Islam dalam masyarakat Melayu Pahang pada masa silam adalah menyeluruh, meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti pentadbiran, kekeluargaan, jenayah, muamalat, politik dan sebagainya.

Menurut Awang (2015), pemakaian undang-undang Inggeris dan peminggiran undang-undang Islam berlaku secara berbeza di setiap negeri di Tanah Melayu. Di Negeri-negeri Selat seperti Melaka, Singapura dan Pulau Pinang, penerimaan undang-undang Inggeris berlaku dengan jelas melalui pengenalan Piagam Keadilan yang menggantikan undang-undang Islam. Sementara itu, di negeri-negeri Melayu, pengaruh Inggeris diperkukuhkan melalui sistem residen dan pelantikan hakim Inggeris. Di Sabah dan Sarawak, walaupun pengaruh Inggeris telah wujud sejak awal, penggunaan rasmi undang-undang Inggeris hanya dimulakan pada pertengahan abad ke-20 Masihi. Ini telah menyebabkan peminggiran undang-undang Islam yang sebelumnya diterapkan di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei (Awang, 2015).

Setelah James Brooke mengambil alih Sarawak pada tahun 1841 dengan membantu Sultan Brunei menumpaskan pemberontakan, beliau mula mengukuhkan kuasanya. Undang-undang Islam hanya diterapkan dalam aspek tertentu, manakala sistem perundangan Barat menggantikannya secara dominan. Berkenaan perkara ini Doering (1966) menyatakan:

"The Rajah was an Englishman with an Englishman's moral standards and an Englishman's sense of justice and fair play, and his administration was based on those principles. To that extent English law was applied in Sarawak."

Ini menunjukkan bahawa Brooke memperkenalkan unsur-unsur perundangan Barat dalam usahanya untuk mengukuhkan kuasa dan pengaruhnya di wilayah ini, yang secara langsung mempengaruhi pelaksanaan undang-undang Islam yang lebih terhad. Faktor-faktor yang mungkin mendorong Brooke untuk membataskan penerapan perundangan Islam adalah untuk mengukuhkan kedudukan pemerintahannya tanpa gangguan daripada sistem perundangan yang sedia ada dan kebimbangan tentang kemungkinan timbulnya konflik antara perundangan Islam dan perundangan Inggeris yang akan diperkenalkan. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa Brooke tidak sepenuhnya menghapuskan amalan perundangan Islam di Sarawak, tetapi sebaliknya beberapa undang-undang Barat yang diperkenalkan telah membataskan penguatkuasaan undang-undang Islam dalam bidang seperti jenayah dan muamalat (perniagaan).

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian historiografi yang melibatkan beberapa langkah penting yang membantu dalam merungkai dan memahami peristiwa sejarah. Pendekatan kajian historiografi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada pandangan daripada Louis Gottschalk (1969); Nina Herlina Lubis (2008); dan Dudung Abdurrahman (2011); yang mencadangkan empat langkah iaitu; heuristik (mengumpul sumber sejarah); kritikan sumber (penilaian sumber); interpretasi (pentafsiran fakta-fakta sejarah); dan historiografi (penulisan sejarah).

Antara langkah-langkah utama yang akan diterangkan ialah heuristik, kritikan sumber, analisis dan interpretasi data. Setiap langkah ini memainkan peranan penting dalam menyusun sejarah yang teliti dan memberikan pemahaman yang mendalam terhadap konteks kajian. Heuristik melibatkan pengumpulan sumber-sumber asal yang berkaitan dengan topik kajian.

Langkah ini memastikan bahawa data yang dikumpul relevan dan sahih untuk kajian ini. Kritikan sumber pula merangkumi penelitian kritis terhadap kebolehpercayaan dan ketepatan sumber-sumber yang dipilih. Seterusnya, analisis dan interpretasi data membawa kajian ke peringkat seterusnya iaitu maklumat yang diperoleh dianalisis secara mendalam dan diinterpretasikan dengan berlandaskan konteks sejarah yang relevan. Akhir sekali, metode penulisan kajian sejarah memberikan panduan dalam menyusun hasil kajian secara sistematik dan mudah difahami.

SEJARAH PENGUASAAN BROOKE DAN BRITISH KE ATAS NEGERI SARAWAK

Menurut sumber sejarah pada tahun 1839, Gabenor British di Singapura telah meminta pertolongan daripada James Brooke untuk menyerahkan hadiah kepada Pengiran Muda Hashim sebagai tanda terima kasih kerana telah memberikan perlindungan dan pertolongan kepada anak kapal yang karam berhampiran Sungai Sarawak (Tarling, 1992). Kebetulan pada masa tersebut, James Brooke berada di Singapura dan sedang merancang untuk pergi ke Pulau Hindia Timur Belanda dan Borneo (Buyong, 1971; Tarling, 1992; Ling, 2019). James Brooke tiba di Kuching pada 15 Ogos 1839 dan menyerahkan surat dan hadiah dari Gabenor Singapura kepada Pengiran Muda Hashim (Buyong Adil, 1981; Irwin, 1955).

Selepas sebulan tinggal di Kuching, James Brooke memohon keizinan daripada Pengiran Muda Hashim untuk meninggalkan Kuching dan mengunjungi kawasan-kawasan lain seperti Lundu, Samarahan dan Sadong (Irwin, 1955; Buyong Adil, 1981). Pengiran Muda Hashim telah melantik seorang pegawainya iaitu Panglima Raja untuk mengiringi James Brooke melakukan perjalanan tersebut. Pada 27 September 1839, pertempuran telah tercetus apabila kapal milik Panglima Raja diserang oleh sekumpulan orang Iban Saribas. Pertempuran tersebut telah menyebabkan tiga orang anak kapal Panglima Raja mengalami kecederaan. James Brooke dilaporkan telah memberikan bantuan kepada Panglima Raja menghentikan serangan tersebut menggunakan meriam yang akhirnya menyebabkan orang Iban tersebut melarikan diri (Buyong, 2022). Keesokan harinya, James Brooke meneruskan perjalanan ke Sulawesi dan beberapa tempat yang lain.

Pada 18 Ogos 1840, James Brooke telah datang semula ke Sarawak bagi memenuhi janjinya kepada Pengiran Muda Hashim untuk berjumpa dengannya semula (Irwin, 1955). Namun, setibanya di Sarawak beliau mendapati keadaan politik tetap tidak stabil seperti sebelumnya. Pengiran Indera Mahkota yang berperanan sebagai wakil pemerintah Kesultanan Brunei di Sarawak bersama para pengikutnya telah menunjukkan tindakan kekerasan terhadap penduduk setempat, terutamanya orang Melayu, Bidayuh dan Cina yang diketuai oleh Datuk Patinggi Ali (Wright, 1972). Menurut Buyong Adil (1981), mereka secara sewenang-wenangnya mengambil hasil ekonomi dan mengenakan cukai yang tinggi. Pekerja di kawasan perlombongan antimoni telah ditindas dan diberikan upah yang tidak berbaloi dengan kerja mereka.

Akibat tindakan tersebut, berlaku ketegangan antara Pengiran Indera Mahkota dan penduduk tempatan yang dikuasai oleh golongan datu-datu tempatan dan Pengiran Usop (Irwin, 1955). Situasi begini telah dimanfaatkan oleh James Brooke untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran di Sarawak. Ditambah lagi dengan perselisihan yang berlaku di antara Pengiran Muda Hashim dengan Pengiran Indera Mahkota telah memburukkan lagi keadaan. James Brooke dikatakan telah membuat perjanjian dengan Pengiran Muda Hashim untuk menumpaskan

pemberontakan dengan ganjaran beliau akan diberikan kuasa dan kedudukan di Sarawak (Irwin, 1955; Yaacob, 2015 & 2021; Ling, 2019; Nasohah, 2004; Saimi et al., 2022).

Setelah berjaya meredakan pemberontakan yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Ali dan mengalahkan Pengiran Indera Mahkota pada 24 September 1841, James Brooke dilantik sebagai Rajah Putih di Sarawak. Tiga syarat ditetapkan berhubung lantikan tersebut iaitu pertama James Brooke perlu membayar ufti tahunan kepada Sultan Brunei dan waris-warisnya; kedua, beliau tidak boleh mengganggu agama dan adat penduduk tempatan; dan ketiga, Sarawak tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain tanpa izin Sultan (Irwin, 1955; Wright, 1972; Saimi et al., 2022; Abdul Kadir et al., 2023). Pelantikan ini adalah janji Pengiran Muda Hashim sebagai balasan atas bantuan Brooke dan juga hasil tekanan ketenteraan Brooke terhadapnya (Mail, 2002; Keppel, 1846).

Pada 1 Ogos 1842, pelantikan James Brooke sebagai wakil di Sarawak Lama (Kuching) disahkan secara rasmi oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II melalui surat pelantikan (Ling, 2019). Mengikut perjanjian, James Brooke dikehendaki membayar kepada Sultan sejumlah \$1000.00 setahun, manakala Pengiran Muda Hashim menerima \$1000.00, Datuk Patinggi \$300, Datuk Bandar \$150, dan Datuk Temenggung \$100 (Maxwell & Gibson, 1924; Irwin, 1955; Mail, 2002; Abdul Kadir et al., 2023). Selepas pelantikan ini, James Brooke semakin agresif dalam memperluas pengaruh dan kuasanya di Sarawak (Yaacob, 2015). Pada ketika itu, Sarawak masih belum sepenuhnya diserahkan kepada James Brooke. Beliau tidak berpuas hati dengan kedudukannya dan terus mengugut Pengiran Muda Hashim. Kedudukannya juga dicabar oleh ancaman dari kaum Iban serta golongan sharif seperti Sharif Masahor dan Sharif Sahab. James Brooke menggunakan isu pelanun dan pembunuhan Pengiran Muda Hashim pada tahun 1845, di mana Pengiran Muda Hashim dibunuh atas arahan Sultan Omar Ali Saifuddin II akibat konflik dalaman di Brunei. Brooke menjadikan pembunuhan ini sebagai alasan untuk meluaskan wilayahnya di Sarawak melalui operasi ketenteraan terhadap Brunei (Reinhardt, 1970; Mail, 2002).

Atas tekanan-tekanan yang telah dilakukan oleh James Brooke maka Sultan Brunei terpaksa menyerahkan Sarawak sedikit demi sedikit. James Brooke telah berjaya meluaskan kekuasaannya dari Samarahan hingga ke Mukah pada tahun 1846 dan kemudiannya ke Bintulu pada tahun 1860 (Reinhardt, 1970; Yaacob, 2015). Polisi perluasan wilayah diteruskan oleh pengganti James Brooke iaitu dengan mengambil kawasan dari Tanjung Kidurong hingga ke Tanjung Baram pada tahun 1882, Daerah Sungai Trusan tahun 1884, Daerah Limbang pada tahun 1890 dan Lawas tahun 1905 (Reinhardt, 1970; Yaacob, 2015). Sebenarnya, penguasaan James Brooke ke atas seluruh negeri Sarawak tidak berlaku secara spontan, malah sudah menjadi impian beliau sejak awal pemerintahannya di Sarawak. Beliau telah meminta perlindungan dari Kerajaan British untuk memperkukuhkan kedudukannya di negeri Sarawak, sebagaimana kenyataannya berikut (Tarling, 1992):

Indeed, his aims now extended to Brunei, and he all the more looked for support from British government. "My intention, my wish, is to develop the island of Borneo. I have both precept and example, shown what can be done... i wish to correct the native character, to gain and hold an influence in Borneo Proper. To introduce gradually a better system of government. To open the interior. To encourage the poorer natives. To remove the clogs on trade. To develop new sources of commerce. I wish to make Borneo a second Jawa! I intend to influence and amend the entire Archipelago, if Government will afford me means and power..." Brooke was 'strongly of the opinion that we must exercise a direct influence on the various Governments of Borneo', Captain Drinkwater Bethune told Lord Haddington

after a investigatory visit on behalf of the British Government." All the Malay Government are weak and in a state of decadence, and his favourite idea being to endeavour to improve the conditions of the people through themselves, he considers it necessary that a commanding power should exercise and influence over them, not for selfish purposes, but merely to encourage the well-disposed, control the bad and give security to all. Let our influence be of the mildest kind, let us by support of the legitimate government, ameliorate the condition of the people by this influence."

Melalui kenyataan tersebut, kita dapat memahami bahawa James Brooke memiliki hasrat menguasai Sarawak untuk mengembangkan ekonomi dengan membuka peluang-peluang perdagangan, menghapuskan sekatan-sekatan perniagaan serta memperkenalkan sistem pemerintahan yang lebih baik. James Brooke juga yakin untuk menguasai serta mempertingkatkan peluang ekonomi di seluruh Kepulauan Borneo maka dengan itu beliau berharap dengan sokongan daripada Kerajaan British dapat membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat tempatan dan pemerintahan yang lemah di Sarawak. Sokongan Kerajaan British kepada beliau juga amat diperlukan bagi mengesahkan kedudukan politik beliau di negeri Sarawak.

Setelah memerintah selama 27 tahun di Sarawak, akhirnya James Brooke telah meninggal dunia pada 11 Jun 1868 dan beliau digantikan oleh anak saudaranya, Charles Brooke pada bulan Ogos 1868 (Ling, 2019). Selepas itu, pada tahun 1917 Charles Brooke digantikan oleh Charles Vyner Brooke yang pemerintahannya berlangsung sehingga penaklukan Jepun pada Disember 1941. Apabila Jepun menyerah kalah, Sarawak diserahkan kepada Kerajaan British sebagai jajahan mahkota (*Crown Colony*) British secara rasminya pada 1 Julai 1946 (Tarling, 1992; Ling, 2019). Pada 16 September 1963, Sarawak secara rasmi menjadi sebahagian daripada Malaysia selepas pembentukan Persekutuan Malaysia bersama-sama Malaya, Sabah dan Singapura.

PERKEMBANGAN PERUNDANGAN ISLAM ERA PEMERINTAHAN BROOKE DI SARAWAK

Jika dirujuk kepada pernyataan dan tindakan penjajah Brooke, jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Sarawak telah mengamalkan perundangan Islam. Namun, sebelum kedatangan Brooke, umat Islam di Sarawak mengamalkan perundangan Islam sepenuhnya seperti yang tercatat dalam Hukum Kanun Lawas dan Hukum Kanun Lingga. Walau bagaimanapun, dengan pemakaian undang-undang Inggeris, undang-undang Islam mula dipinggirkan di Sarawak, seperti yang berlaku di Negeri-negeri Selat dengan pengenalan Piagam Keadilan yang menggantikan undang-undang Islam (Awang, 2015).

Di negeri-negeri Melayu, pengaruh Inggeris diperkukuhkan melalui sistem residen dan pelantikan hakim Inggeris. Di Sabah dan Sarawak, walaupun pengaruh Inggeris sudah ada sejak awal, undang-undang Inggeris hanya mula diterapkan secara rasmi pada pertengahan abad ke-20 masihi. Ini menyebabkan undang-undang Islam yang sebelumnya dikuatkuasakan di bawah Kesultanan Brunei semakin dipinggirkan (Awang, 2015). Apabila James Brooke memperkukuh kuasa di Sarawak, perundangan Islam mula dihadkan kepada aspek tertentu sahaja, sementara undang-undang Barat secara beransur-ansur menggantikannya. Berkenaan perkara ini Boyd (1936: 61) menyatakan:

The Rajah was an Englishman with an Englishman's moral standards and an Englishman's sense of justice and fair play, and his administration was based on those principles. To that extent English law was applied in Sarawak.

Brooke memperkenalkan unsur-unsur perundangan Barat bagi memastikan kekuasaannya lebih kukuh terutama bagi mengelakkan sebarang kemungkinan timbulnya konflik antara perundangan Islam dan Inggeris. Walaupun begitu, Brooke tidak sepenuhnya menghapuskan perundangan Islam di Sarawak, tetapi undang-undang Barat yang diperkenalkan telah mengehadkan penerapannya dalam aspek seperti jenayah dan muamalat.

Contoh yang jelas pengenalan undang-undang Barat yang menggantikan undang-undang Islam di Sarawak semasa pemerintahan James Brooke termasuklah pengenalan undang-undang jenayah, undang-undang perdagangan serta undang-undang pentadbiran yang menggunakan pendekatan pemerintahan Barat. Semua perubahan ini merupakan sebahagian daripada usaha Brooke untuk memodenkan sistem perundangan di Sarawak dan menggantikan sebahagian dari undang-undang Islam dengan undang-undang Barat dalam usahanya untuk mengukuhkan kuasa dan pengaruhnya di wilayah tersebut.

Menurut Boyd (1936) pula, sejarah sistem perundangan di Sarawak pada zaman pemerintahan Brooke menunjukkan gabungan unik antara perundangan Barat dan sistem tempatan. Sumber utama undang-undang bertulis pada masa itu adalah dari Perintah atau *Order* yang dikeluarkan oleh Brooke. Salah satu contoh penting adalah Buku Perintah Hijau (*Green Book*) yang disusun pada tahun 1922. Buku ini merupakan kompilasi perintah-perintah yang masih berkuat kuasa pada waktu itu. Sebagai langkah lanjutan, edisi baru *Green Book* diterbitkan pula pada tahun 1933 yang mengandungi Perintah-Perintah awal dan beberapa peraturan khusus. Di samping itu, Buku Perintah Merah (*Red Book*) yang memuatkan Perintah-Perintah yang dikeluarkan selepas 1927 juga telah dikaji semula pada tahun 1936. Ini menunjukkan berlakunya perkembangan berterusan dalam sistem perundangan Sarawak di bawah pemerintahan Brooke.

Selain itu, undang-undang Inggeris juga telah mula diperkenalkan di Sarawak pada tahun 1928 dengan syarat tidak bercanggah dengan Perintah dan enakmen yang telah dikeluarkan oleh Brooke. Ia juga mengambil kira adat istiadat dan situasi masyarakat tempatan. Hal ini menyerupai amalan di beberapa tanah jajahan British di kawasan yang lain. Seterusnya, *Indian Penal Code* yang pada mulanya digunakan sebagai panduan juga mendapat tempat dalam sistem perundangan Sarawak. Kod ini mengambil contoh daripada kod yang digunakan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan India, merangkumi prosedur jenayah termasuklah dalam aspek tangkapan dan proses rayuan. Kod ini turut menyediakan peruntukan untuk perbicaraan dengan bantuan penilai dalam situasi tertentu (Boyd, 1936). Mahkamah Agung dan Mahkamah Residen telah diberikan kuasa untuk melakukan semakan ke atas mahkamah-mahkamah yang lebih rendah, termasuk keputusan untuk mengadakan pengadilan baru.

Di samping itu, *Common Law* digunakan dalam situasi tertentu terutamanya untuk isu-isu yang belum mempunyai kuasa undang-undang yang jelas seperti monopoli yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ini menunjukkan usaha Brooke dalam menggabungkan elemen-elemen perundangan dari berbagai sumber untuk mencipta sistem yang berkesan dan fleksibel menurut pandangan beliau. Dalam aspek perundangan Islam pula, pemerintahan Brooke mengakui dan menghormati kedudukan dan amalan perundangan Islam di Sarawak. Walaupun sistem perundangan yang diperkenalkan lebih berorientasikan Barat, Brooke mengiktiraf dan membiarkan amalan perundangan Islam khususnya dalam aspek hukum kekeluargaan Islam dan adat resam masyarakat Islam. Ini menunjukkan pengiktirafan terhadap nilai-nilai dan amalan tempatan serta usaha untuk

mengekalkan keseimbangan antara pemodenan sistem kehakiman dan penghormatan terhadap tradisi serta amalan hukum tempatan. Perundangan Islam walaupun tidak terintegrasi sepenuhnya ke dalam kerangka perundangan formal, ia masih berfungsi dalam ruang sosial dan komuniti masyarakat Islam. Hal ini menunjukkan sifat pluralistik sistem kehakiman di Sarawak pada masa itu (Awang Suhaili, 2023).

Dalam kerangka pentadbiran yang lebih luas, James Brooke memainkan peranan penting sebagai Ketua Tertinggi Negeri di Sarawak dan memegang kuasa utama dalam aspek legislatif dan perbelanjaan awam (Boyd, 1936). Semua perintah negeri dikeluarkan secara eksklusif oleh James Brooke dengan nasihat daripada empat badan utama, iaitu Majlis Agung, Majlis Negeri, Jawatankuasa Pentadbiran dan Jawatankuasa Kewangan (Boyd, 1936). Perlembagaan Sarawak menetapkan bahawa James Brooke sebagai pemimpin utama dalam pentadbiran dan perundangan dan beliau menerima nasihat dari badan-badan ini untuk melaksanakan urusan pemerintahan (Boyd, 1936; Doering, 1966; Reinhardt, 1970).

Majlis Agung yang ditubuhkan pada tahun 1855 berfungsi sebagai penasihat kepada Rajah Brooke dalam urusan pentadbiran dan perundangan. Ahli-ahli Majlis Agung terdiri daripada tokoh-tokoh Eropah dan Datu Melayu yang terkemuka di Sarawak. Namun, peranan mereka tidak mempunyai kuasa berkanun dan tugas serta tanggungjawab mereka tidak ditakrifkan dengan jelas. Ini menjadikan Majlis Agung lebih sebagai badan penasihat kepada Brooke tanpa kuasa mutlak (Boyd, 1936; Doering, 1966; Reinhardt, 1970).

Majlis Negeri pula yang ditubuhkan oleh James Brooke pada tahun 1867, memainkan peranan penting dalam menggubal undang-undang dan adat istiadat berkaitan penduduk Sarawak. Majlis ini terdiri daripada empat puluh tujuh ahli, termasuk sembilan belas orang Eropah dan dua puluh lapan orang Melayu. Ahli-ahli Melayu terdiri daripada ketua-ketua dan pemimpin utama dari seluruh Sarawak, manakala ahli-ahli Eropah adalah pegawai kerajaan yang dilantik oleh James Brooke. Majlis Negeri mengadakan mesyuarat setiap tiga tahun untuk membuat keputusan mengenai undang-undang atau adat yang akan dilaksanakan dengan persetujuan akhir oleh Rajah (Boyd, 1936; Doering, 1966; Reinhardt, 1970).

Jawatankuasa Pentadbiran dan Jawatankuasa Kewangan, yang ditubuhkan pada tahun 1873 oleh Charles Brooke berfungsi sebagai jawatankuasa yang mengambil alih urusan pentadbiran semasa ketiadaan Brooke di Sarawak. Jawatankuasa Pentadbiran bertanggungjawab dalam menguruskan aspek harian pentadbiran negeri, manakala Jawatankuasa Kewangan menguruskan aspek perbelanjaan dan kewangan. Keputusan dan tindakan kedua-dua jawatankuasa ini masih tertakluk kepada semakan dan kelulusan Rajah Brooke dan akan dibubarkan apabila Rajah Brooke kembali dari Eropah. Ini menunjukkan bahawa kuasa Rajah kekal sebagai yang tertinggi dalam pentadbiran negeri (Doering, 1966; Reinhardt, 1970).

Sistem kehakiman pada zaman Brooke terdiri daripada tiga jenis institusi mahkamah yang mempunyai fungsi dan kuasa berbeza. Pertama, Mahkamah Agung yang telah wujud sejak zaman James Brooke, walaupun ketika itu ia belum berfungsi dengan struktur formal seperti yang dibentuk pada tahun 1928. Mahkamah ini terdiri daripada hakim-hakim berpengalaman dan dibantu oleh sekurang-kurangnya dua ahli tempatan dalam Majlis Agung. Walaupun hakim-hakim ini tidak semestinya memiliki kelayakan undang-undang formal, mereka memegang peranan penting dalam mendengar rayuan dari Mahkamah Residen, mengesahkan hukuman mati serta hukuman penjara melebihi sepuluh tahun dan mengkaji semula keputusan mahkamah rendah (Doering, 1966; Reinhardt, 1970). Mahkamah Agung juga menangani kes-kes perkahwinan yang menjadikannya mahkamah tertinggi dalam hierarki kehakiman Sarawak (Boyd, 1936).

Kedua, Mahkamah Majistret dikendalikan oleh pegawai tadbir yang juga berfungsi sebagai majistret. Mahkamah Residen atau Majistret Kelas Pertama ini mempunyai kuasa untuk mendengar pelbagai jenis kes, kecuali kes hukuman mati atau hukuman berat lain yang perlu disahkan oleh Mahkamah Agung. Mahkamah Majistret juga terdiri daripada kelas kedua, ketiga dan keempat, yang masing-masing mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman maksimum dua tahun penjara, enam bulan penjara, dan dua bulan penjara. Mahkamah-mahkamah ini turut mempunyai bidang kuasa sivil dan membenarkan proses rayuan ke peringkat lebih tinggi (Boyd, 1936).

Ketiga, Mahkamah Tempatan yang diketuai oleh majistret Melayu, berfokus kepada hal-hal tempatan seperti perkahwinan mengikut adat tempatan dan pertikaian yang berlaku dalam masyarakat setempat. Majistret Melayu ini juga berperanan sebagai majistret kelas ketiga atau keempat, membolehkan mereka mengendalikan mahkamah kelas mereka. Peranan Mahkamah Tempatan adalah penting dalam menyelesaikan masalah khusus masyarakat setempat dan menjadikannya elemen penting dalam sistem kehakiman di Sarawak. Sistem kehakiman ini menggambarkan kepelbagaian struktur masyarakat di Sarawak pada masa pemerintahan Brooke yang menggabungkan elemen pentadbiran, undang-undang dan adat istiadat tempatan (Boyd, 1936).

IMPAK PENJAJAHAN BARAT KE ATAS SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM DI SARAWAK

Di awal zaman pemerintahan Brooke, boleh dikatakan tidak banyak perubahan yang dilakukan dalam aspek perundangan Islam yang telah diamalkan sejak sekian lama dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan kecenderungan Brooke untuk mengukuhkan kedudukan politik di Sarawak kerana pada masa tersebut, kebanyakan kawasan dikuasai oleh pemerintah Melayu Islam. Hal ini turut disokong oleh Awang Suhaili (2023) yang menyatakan bahawa pemerintahan Brooke telah memberikan akses kepada umat Islam untuk melaksanakan perundangan Islam di Sarawak kerana tujuan utama penguasaan mereka adalah ekonomi. Walaupun terdapat campur tangan dari Brooke, namun ini tidak menyekat pengamalan undang-undang Islam itu sendiri. Masyarakat Islam di Sarawak diberikan kebebasan dan kuasa untuk menguruskan pentadbiran undang-undang mereka sendiri.

Pada peringkat awal ini juga, pemerintahan Brooke tidak hanya menunjukkan penghormatan terhadap sistem perundangan yang telah lama terbentuk tetapi juga menggunakan pendekatan bertoleransi dalam mengelola perubahan sosial dan budaya di Sarawak. Pemerintah Brooke memahami kepentingan memelihara kestabilan sosial dan keharmonian agama sekaligus memperkenalkan elemen-elemen baru yang dapat membantu dalam pembangunan pemerintahan yang lebih efektif, efisien dan moden di Sarawak. Namun setelah mengukuhkan kuasa dan memperluaskan wilayah jajahannya di Sarawak, pemerintahan Brooke mula campur tangan dan mengubah sedikit demi sedikit sistem perundangan Islam yang telah diamalkan sebelumnya di Sarawak.

Pada tahun 1946, Rajah Sarawak yang terakhir iaitu Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British yang sekali gus menamatkan pemerintahan Brooke di Sarawak. Kerajaan British yang lebih maju dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran, memberi tumpuan kepada perekodan dan pendokumentasian tadbir urus secara lebih teliti. Mereka mempunyai budaya penulisan yang lebih sistematik berbanding dengan pemerintahan Brooke (Awang Suhaili, 2023). Seperti Brooke, Kerajaan British juga tidak campur tangan dalam urusan

keagamaan dan lebih fokus kepada pemulihan ekonomi selepas pendudukan Jepun serta aspek pentadbiran negeri Sarawak. Kerajaan British juga dilaporkan telah menambah baik pentadbiran undang-undang Islam, menjadikannya lebih sistematik berbanding era sebelumnya yang ditadbir tanpa rekod yang berkesan. Pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh penjajah Barat ini telah meningkatkan sistem pentadbiran dan pengurusan masyarakat di Sarawak.

Walaupun terdapat banyak perubahan penting yang dilaksanakan oleh pemerintah Brooke dan British di Sarawak bagi memodenkan sistem pentadbiran dan kehakiman perundangan Islam, namun tidak dinafikan terdapat beberapa kesan negatif dan cabaran yang dihadapi, antaranya:

a. Pengaruh Barat dalam pentadbiran undang-undang Sarawak

Walaupun pemerintahan Brooke dan Kerajaan British di Sarawak menghormati undang-undang Islam, namun pendekatan mereka dalam mengurus pentadbiran dan kehakiman Islam seringkali tidak selari dengan prinsip dan amalan undang-undang Islam dan menyebabkan ketidaksesuaian dalam pelaksanaan undang-undang tersebut. Sebelum kedatangan Brooke, undang-undang Islam telah diamalkan sejak sekian lama oleh masyarakat tempatan dan jika Brooke campur tangan dan menghalang pelaksanaan undang-undang Islam sudah tentu akan menimbulkan perselisihan dengan pemimpin-pemimpin Islam tempatan.

Brooke berusaha untuk mengelakkan perkara yang boleh menjejaskan kedudukan dan kuasanya di Sarawak. Oleh yang demikian untuk peringkat awal penguasaan James Brooke ke atas Sarawak, beliau tidak mencampuri urusan berkaitan masyarakat Islam (Awang Suhaili, 2023). Pada masa yang sama juga perkara tersebut dilakukan bagi menunaikan janji beliau pada Sultan Brunei untuk tidak mencampuri urusan keagamaan masyarakat Islam. Sehubungan itu, perkembangan sistem perundangan dan kehakiman di Sarawak di bawah pemerintahan Brooke telah membawa perubahan signifikan berbandin

dengan era Kesultanan Brunei. Pada zaman Kesultanan Brunei, sistem perundangan dan kehakiman di Sarawak lebih bersifat tradisional yang berakar umbi pada hukum adat dan syariat Islam yang dijalankan oleh penguasa dan pemimpin tempatan. Sebaliknya, di bawah pemerintahan Brooke, sistem ini berkembang menjadi lebih berstruktur dan formal dengan adanya ordinan dan perundangan tertulis. Perubahan ini menunjukkan peralihan dari sistem tradisional ke sebuah sistem yang lebih teratur dan mudah diawasi. Hal ini merupakan perkembangan penting dalam sistem pengurusan undang-undang dan pelaksanaan keadilan di Sarawak.

Pemerintahan Brooke juga telah memperkenalkan Perintah dan Ordinan yang lebih terperinci dan spesifik, yang meliputi pelbagai aspek kehidupan dan masyarakat. Ini berbeza dengan pendekatan Kesultanan Brunei yang mungkin lebih bergantung pada keputusan pemimpin atau penguasa setempat. Keseluruhan proses ini menunjukkan transisi dari sistem yang lebih tradisional dan berlandaskan hukum adat dan syariat pada zaman Kesultanan Brunei menjadi sistem yang lebih formal, berstruktur dan berintegrasi dengan unsur-unsur hukum Barat di bawah pemerintahan Brooke (Boyd, 1936).

b. Pengenalan Sistem Dwi Kehakiman

Antara kesan ketara yang dibawa oleh penjajah Barat ke Alam Melayu khususnya di negara Malaysia adalah munculnya sistem kehakiman yang membahagikan undang-undang sivil dan syariah. Walaupun sistem dwi kehakiman membenarkan wujudnya Mahkamah Syariah, ia juga

menetapkan pemisahan yang jelas antara undang-undang sivil dengan syariah, yang boleh menghadkan peranan dan ruang lingkup undang-undang Islam dalam kehidupan masyarakat. Dalam konteks negeri Sarawak, dapat dilihat dengan jelas bahawa pemerintahan Brooke telah memperkenalkan penggabungan antara elemen-elemen hukum Barat dengan hukum tradisional Melayu-Islam. Berbeza dengan fokus Kesultanan Brunei pada hukum syariat dan adat, pemerintahan Brooke memperkenalkan konsep seperti Mahkamah Agung yang merupakan elemen baru dalam sistem perundangan Sarawak.

Meskipun terdapat banyak unsur Barat dalam sistem perundangan baru ini pemerintahan Brooke tetap mengadaptasi dan menghormati hukum dan adat tempatan khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan warisan dalam masyarakat Melayu-Islam. Antara usaha lain yang dilakukan oleh Brooke untuk menyediakan mekanisme hukum yang khusus untuk masyarakat Islam adalah pembentukan mahkamah khusus seperti Mahkamah Datu-Datu dan *Muhammedan Law and Probate Court* untuk menyeragamkan sistem kehakiman Islam bagi menguruskan hal ehwal perkahwinan, perceraian, wasiat dan urusan berkaitan dengannya.

Berdasarkan dapatan kajian juga, pada awal penguasaan James Brooke, selain merujuk kepada sistem perundangan yang telah sedia ada, James Brooke juga telah memperkenalkan sistem kehakiman Inggeris sebagai sebahagian daripada langkah memodenkan struktur perundangan dan pentadbiran di Sarawak. Pengenalan sistem kehakiman Inggeris ini merupakan langkah penting dalam proses kolonisasi yang bertujuan untuk mengintegrasikan Sarawak ke dalam kerangka pentadbiran kolonial British. Sistem kehakiman ini membawa bersama prinsip-prinsip undang-undang Inggeris termasuk konsep keadilan, prosedur perbicaraan, dan pentadbiran undang-undang yang lebih berstruktur.

Pengenalan sistem kehakiman Inggeris di Sarawak ini dilakukan secara beransur-ansur, dengan mengambil kira keperluan dan konteks setempat. Ini termasuklah penyesuaian terhadap adat dan kepercayaan tempatan, serta penggabungan elemen-elemen sistem perundangan tradisional. Walaupun sistem kehakiman Inggeris diperkenalkan, Brooke berusaha untuk tidak menggantikan sepenuhnya sistem perundangan Islam yang telah lama wujud, sebaliknya mencari cara untuk menggabungkan kedua-dua sistem tersebut. Pendekatan ini menunjukkan usaha Brooke untuk mencipta suatu sistem perundangan yang inklusif dan menerima kepelbagaian agama dan budaya di Sarawak.

Kesannya, perundangan Islam di Sarawak tidak lagi memfokuskan kepada kesalahan jenayah mencuri, minum arak dan sebagainya yang berkaitan dengan hudud. Di samping itu, perundangan Islam di Sarawak juga tidak lagi berkisar tentang jual beli atau muamalat atau prinsip-prinsip utama yang ditekankan dalam ekonomi Islam seperti pengharaman riba. Kini, peranan perundangan Islam atau mahkamah syariah di Sarawak hanya terhad kepada hal ehwal kekeluargaan Islam dan kesalahan jenayah syariah. Tidak seperti zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, kesalahan berkaitan dengan hudud dan qisas dahulu adalah sebahagian daripada perundangan Islam di Sarawak sebagaimana yang termaktub dalam Hukum Kanun Lawas dan Hukum Kanun Lingga tetapi kini ia telah dipindahkan menjadi urusan di bawah undang-undang sivil. Kesannya juga, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dihadkan kepada perkara-perkara berkaitan kekeluargaan Islam dan kesalahan-kesalahan syariah tertentu. Sementara itu, undang-undang jenayah secara keseluruhan diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.

c. Pengabaian terhadap undang-undang Islam

Pemerintahan Brooke dan British di Sarawak telah memberikan keutamaan kepada undang-undang Barat terutamanya dalam aspek pentadbiran dan keadilan. Hal ini telah menyebabkan undang-undang Islam terpinggir dalam bidang tertentu. Berkenaan ini, Doering (1966) menyifatkan Brooke sebagai seorang yang mengikuti 'Englishman's moral standard'. Walaupun Brooke tidak menghapuskan perundangan Islam, sistem perundangan Barat yang diperkenalkan pada zaman pemerintahan mereka telah mengehadkan aplikasi undang-undang Islam khususnya dalam aspek jenayah dan muamalat. Rajah Brooke walaupun memberikan kebebasan kepada masyarakat Islam untuk meneruskan sistem perundangan Islam, namun sebagai seorang yang berasal dari Eropah, sudah tentu keutamaan diberikan kepada nilai-nilai etika dan prinsip keadilan yang dipegang oleh masyarakat Barat (Doering, 1966).

Walaupun Brooke telah menambahbaik sistem pentadbiran perundangan Islam di Sarawak melalui wujudnya Perintah, *Native Mohammedan Probate and Divorce Court* dan lain-lain namun perkembangan sistem perundangan Islam semakin terancam dan pengaruhnya semakin berkurang. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas apabila hal ehwal berkaitan dengan perundangan jenayah dan muamalat telah diserahkan sepenuhnya kepada Mahkamah Agung (*Supreme Court*). Kemudiannya, fungsi Mahkamah Datu-Datu hanya dikhususkan untuk membicarakan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum keluarga Islam, seperti perkahwinan, perceraian, dan warisan. Perubahan ini menunjukkan pengurangan peranan dan bidang kuasa mahkamah syariah dalam sistem perundangan di Sarawak, membataskan mereka kepada isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam semata-mata.

d. Perubahan dalam Struktur Sosial dan Ekonomi

Secara umumnya, impak penjajahan ke atas masyarakat di Alam Melayu dalam aspek struktur sosial dan ekonomi sangat ketara. Transformasi yang dibawa oleh pemerintah Barat memperkenalkan norma-norma sosial dan kekeluargaan yang bertentangan dengan nilai serta akhlak Islam termasuk perubahan dalam struktur keluarga dan isu kesetaraan gender. Perubahan ini boleh mengakibatkan konflik dalam masyarakat Islam, di mana tradisi dan nilai-nilai Islam dalam keluarga dan masyarakat dicabar atau diabaikan (Aziz et al., 2023). Misalnya, isu kesetaraan gender mendorong golongan wanita untuk lebih aktif dalam bidang pekerjaan dan pendidikan, sementara peranan suami sebagai pencari nafkah utama turut dipersoalkan.

Begitu juga, penekanan kepada hak-hak individu yang sering menyalahi tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat. Pengaruh ini dapat menyebabkan konflik dalam masyarakat Islam di mana tradisi dan nilai-nilai Islam diabaikan. Akibatnya, penerapan undang-undang Islam berkaitan dengan perkahwinan, warisan, dan hak-hak keluarga juga terganggu atau sukar dilaksanakan sepenuhnya. Dalam konteks Sarawak, keadaan ini menunjukkan transformasi dalam pelaksanaan dan interpretasi undang-undang Islam yang menuntut penyesuaian antara nilai-nilai Islam dan cabaran-cabaran zaman, khususnya dalam kerangka perundangan dan kehakiman Islam.

Bukan itu sahaja, antara impak negatif penjajahan Barat ialah pengenalan kepada sistem ekonomi kapitalis yang menekankan keuntungan dan pertumbuhan ekonomi yang sudah tentu tidak selari dengan prinsip ekonomi Islam yang menekankan keadilan, pembahagian kekayaan yang sama rata dan larangan mengambil riba. Perubahan ini boleh menyebabkan kesukaran dalam mengamalkan prinsip ekonomi Islam yang sebenar dan menerapkan undang-undang Islam dalam transaksi kewangan dan perniagaan seperti dalam kontrak, pinjaman dan pembahagian kekayaan. Contohnya, Brooke telah memperkenalkan kadar faedah bagi hutang.

e. Pengaruh Budaya dan Pendidikan Barat

Pengenalan sistem pendidikan dan budaya Barat telah memberikan dampak yang negatif terhadap nilai-nilai dan amalan tradisional masyarakat Islam termasuk dalam aspek undang-undang Islam. Sistem pendidikan Barat yang menekankan pendekatan dan kurikulum yang berbeza dengan Islam telah mengubah cara pendidikan dan pengetahuan disampaikan. Hal ini terutamanya berkait dengan aspek-aspek undang-undang Islam yang menyebabkan generasi muda menerima pendidikan yang kurang menitikberatkan pengajaran dan nilai-nilai Islam (Yahkup et al., 2019). Situasi ini kemudian telah mempengaruhi pemahaman dan amalan mereka terhadap undang-undang Islam yang membawa kepada perubahan persepsi mereka terhadap undang-undang Islam. Tambahan itu, proses sekularisasi yang berlaku pada zaman penjajah menyebabkan kedudukan perundangan Islam di Sarawak semakin tercabar. Fahaman sekularisme yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan manusia turut memberi kesan kepada perundangan Islam.

Selain itu, penyebaran budaya Barat melalui media, literatur dan interaksi sosial turut berperanan dalam membentuk pandangan dan gaya hidup masyarakat Islam. Pengaruh ini sering kali mencetuskan konflik atau ketegangan antara nilai-nilai Islam dengan elemen-elemen budaya baru khususnya dalam aspek norma sosial, struktur keluarga dan hukum pewarisan harta yang telah ditetapkan dalam undang-undang Islam. Dalam beberapa situasi, percanggahan nilai Barat dan Islam ini telah menyebabkan nilai Islam dianggap kurang penting atau tidak lagi relevan. Oleh yang demikian, pengaruh budaya dan pendidikan Barat secara langsung telah mempengaruhi budaya dan amalan hidup masyarakat Islam (Yahkup et al., 2019). Usaha untuk memelihara, memahami, menghormati serta mengintegrasikan nilai dan amalan Islam dalam konteks sosial dan budaya yang terus berkembang perlu dilakukan secara berterusan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penjajahan Barat telah memberikan dampak yang sangat besar terhadap sistem perundangan Islam di Alam Melayu termasuklah di Sarawak. Sepanjang era pemerintahan Brooke, perundangan Islam telah mengalami beberapa perubahan penting termasuk usaha untuk mengintegrasikan sistem perundangan Islam dengan keperluan pentadbiran kolonial. Walaupun dalam beberapa keadaan pemerintahan Brooke dan British memencilkan peranan perundangan Islam, mereka turut membawa perubahan penting, khususnya dalam aspek memformalisasikan dan menginstitusikan sistem perundangan Islam. Antara perkembangan signifikan adalah penubuhan Mahkamah Datu-Datu dan Majlis Islam Sarawak yang memainkan peranan penting dalam hal kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian, wasiat, kematian dan pewarisan harta. Aspek-aspek ini telah ditambah baik dengan mengambil kira konteks sosial dan budaya masyarakat Melayu Islam di Sarawak.

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 turut membawa perubahan besar terhadap landskap politik dan perundangan Sarawak. Sebagai salah satu negeri yang bergabung dalam pembentukan Malaysia, Sarawak memperoleh kuasa legislatif berkaitan undang-undang Islam melalui Perlembagaan Persekutuan. Dampak daripada penjajahan dan pengenalan sistem perundangan Barat oleh Brooke serta British masih dapat dilihat dalam pembahagian kuasa legislatif di Malaysia. Berdasarkan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, kuasa untuk menggubal undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Ini memberi Sarawak hak untuk menguruskan undang-undang berkaitan hal ehwal Islam seperti perkahwinan, perceraian dan pewarisan harta dalam kalangan umat Islam. Walaupun kuasa perundangan negeri berkaitan

Islam wujud, undang-undang Islam dihadkan kepada perkara-perkara tertentu dan tidak menyentuh undang-undang jenayah yang kekal di bawah bidang kuasa mahkamah sivil dan persekutuan.

Perkembangan ini menunjukkan adanya usaha untuk mengekalkan budaya dan agama masyarakat setempat walaupun di bawah pengaruh kuat Barat. Beberapa perubahan yang diperkenalkan oleh Brooke dan British di Sarawak seperti pengenalan undang-undang Inggeris dan penubuhan sistem dwi kehakiman telah mengehadkan peranan undang-undang Islam berbanding undang-undang Inggeris. Selain itu, perubahan sosial dan ekonomi yang dibawa oleh penjajahan Brooke turut mempengaruhi cara undang-undang Islam diamalkan dan dilihat. Pengaruh budaya serta pendidikan Barat juga mencipta perubahan baru dalam masyarakat Islam di Sarawak. Secara keseluruhannya, penjajahan Brooke telah mengubah landskap sistem perundangan Islam di Sarawak. Oleh itu, usaha untuk memperkasakan dan meningkatkan institusi pentadbiran, kehakiman, pendakwaan, dan penguatkuasaan undang-undang Islam perlu dilakukan secara berterusan agar undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berfungsi sepenuhnya di negeri Sarawak.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, A. R., Bujang, S., Awang Ahmad, A. N. Z., & Towpek, H. (2023). Perkembangan institusi Islam di Sarawak sebelum pembentukan Malaysia: Progression of Islamic institution in Sarawak before the formation of Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1), 1–14. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol18no1.1>
- Abdurahman, D. (2011). *Metodologi penelitian sejarah Islam*. Penerbit Ombak.
- Adam Badhrulhisham, & Mohamad Firdaus Mohamad Isa. (2017). Islamisasi negara Malaysia dalam konteks gagasan Islamisasi ilmu Syed Muhammad Naquib al-‘Attas: Satu tinjauan. *Jurnal 'Ulwan*, 2(1), 189-203.
- Abd Jalal, A.F., Abdul Rahim, R.A. & Awang Pawi, A.A. (2022). Manuskrip Hukum Kanun Pahang: Antara kepentingan dan kritikan sarjana kolonial: Manuscripts of Pahang Coded Law: Between the interest criticism of colonial scholars. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 89-99.
- Awang, M. (2015). Di manakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan jenayah syariah? *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 55-84.
- Awang Suhaili Ledi. (2023). *Temubual Ketua Hakim Syarie Sarawak. Perkembangan perundangan Islam di Sarawak: Satu analisis sejarah*. Tarikh, 23 Disember 2023.
- Awg Asbol Mail. (2002). *Kesultanan Brunei abad kesembilan belas: Sistem politik dan struktur pentadbiran*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Malaya.
- Aziz, A. R. A., Mahyuddin, M. K., Wahab, M. N. A., Sungkar, H., Musa, N. N., & Mustafar, N. A. I. (2023). Kerangka konsep keluarga Malaysia dalam mencapai kesejahteraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002196. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2196>
- Badlihisam Mohd Nasir. (2012). Islam dan dakwah dalam zaman kebangkitan awal Islam dan era penjajahan Barat di Tanah Melayu. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 34, 5-12.

- Boyd, T. S. (1936). The law and constitution of Sarawak. *Journal of Comparative Legislation and International Law*, 18(1), 60–70. <http://www.jstor.org/stable/754047>
- Bujang, S., Abdul Kadir, A. R., Yusuf, N., Hamrie, F., & Wan Yon, W. A. (2022). Sejarah dan perkembangan pentadbiran Islam pada era pemerintahan Brooke di Sarawak: The History and development of Islamic administration in the era of Brooke's Governance in Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53–70. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no2.5>
- Bustamam, M. H. B., Mansor, S., & Samsuddin, M. B. (2018). Pembentukan daerah Lawas sebagai daerah terakhir bersama kerajaan Sarawak. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 27(1), 1–17. <https://jummec.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/11356>
- Buyong Adil. (2022). *Sejarah Sarawak (Edisi Semakan)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Doering, O. C. (1966). Government in Sarawak under Charles Brooke. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 39(2), 95–107. <http://www.jstor.org/stable/41491897>
- Gottschalk, L. R. (1969). *Understanding history; a primer of historical method (2nd ed.)*. Knopf.
- Irwin, G. (1955). *The White Rajah of Sarawak*. In *Nineteenth-century Borneo: A study in diplomatic rivalry* (Vol. 15, pp. 71–93). Brill. <http://www.jstor.org/stable/10.1163/j.ctvbnm4tq.10>
- Keppel, H. (1846). *The expedition to Borneo of HMS Dido for the suppression of piracy: With extracts from the journal of James Brooke, Esq., of Sarawak* (Vol. 18). Harper & Brothers.
- Ling, H. H. (2019). Gerakan anti penyerahan di Sarawak, 1946-1949: Penentangan Orang Melayu terhadap penjajah British. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 73-88.
- Lubis, N. H. (2008). *Metode sejarah*. Tiara Wacana.
- Maxwell, W. G., & Gibson, W. S. (1924). *Treaties and engagements affecting the Malay States and Borneo*. Jas. Truscott.
- Mohd Hafifi Hashim. (2019). Sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: Sorotan terhadap sistem kehakiman Islam di negeri Melaka. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 24-25 April 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS). https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/negara/070-MD_HAFIFI.pdf
- Shuaib, F. S. (2017). Kesan globalisasi terhadap undang-undang Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 29(2), 15-35.
- Tarling, N. (1992). Brooke rule in Sarawak and its principles. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 65(1), 15–26. <http://www.jstor.org/stable/41493196>
- Wright, L. R. (1972). Raja James Brooke and Sarawak: An anomaly in the 19th century British colonial scene. *Journal of the Hong Kong Branch of the Royal Asiatic Society*, 12, 29–40. <http://www.jstor.org/stable/23881563>
- Yaacob, H. F. (2015). Imperialisme Barat dan implikasi ke atas pengislaman Borneo. *Proyeksi: Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial dan Humaniora*, 20(2). <http://dx.doi.org/10.26418%2Fproyeksi.v20i02.905>
- Yaacob, H. F. (2021). Perspektif orientalisme tentang Islam di Borneo. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(2), 49-66. <https://doi.org/10.11113/umran2021.8n2.465>
- Yahkup, M. F. M., Abdullah, N. S., & Zaini, F. H. (2019). Sekularisme dan kesannya terhadap sistem pendidikan negara Malaysia. In *Conference Proceedings of International Seminar on Global Issues (ISGI 2019)* (pp. 205-213).
- Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia: Sebelum dan menjelang merdeka*. Utusan Publications & Distributors.

Zainul Rijal Abu Bakar. (2020). Islam dan perundangan ke arah wawasan kemakmuran bersama 2030. *In Muzakarah Sultan Nazrin Muizuddin Shah*, 24-25 Februari 2020. http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/kertas_kerja/muzakarah2020/kertas5.pdf